

Abdullah, Surayud dijangka adakan pertemuan susulan

um- 3/4/2007

KUALALUMPUR 6 April – Perdana Menteri Thailand, General Surayud Chulanont akan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sekali lagi untuk membincangkan masalah di selatan negeranya.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar bagaimanapun berkata, beliau belum mengetahui tarikh pertemuan kedua itu selepas yang pertama Februari lalu.

“Seperti yang telah kita nyatakan sebelum ini, kita amat prihatin dengan keadaan di selatan Thailand dan sedia untuk berkongsi pengalaman dan melakukan apa sahaja yang difikirkan boleh membantu oleh mereka.

“Tetapi pada dasarnya, ia merupakan situasi dalaman,” katanya pada sidang akhbar sempena hari terakhir Persidangan Ketua-Ketua Misi 2007, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai tarikh pertemuan susulan Perdana Menteri berhubung keadaan di selatan Thailand.

Apabila ditanya sama ada Malaysia akan mengambil peranan sebagai orang tengah, Syed Hamid berkata: “Kita tidak mahu terlibat melainkan terdapat keperluan pada pihak Thai. Adalah tugas mereka bagi mencari jalan penyelesaian.”

Apa yang boleh dibantu negara, kata Syed Hamid, adalah dengan cara membangunkan masyarakat pelbagai kaum dan agama menerusi sikap toleransi.

“Pengalaman negara membina keupayaan, membentuk kurikulum pendidikan dan membangunkan sektor sosioekonomi juga boleh dikongsi dengan Thailand,” tambah beliau.